
| | |
|--------|--|
| Title | Latarbelakang pelaksanaan sistem sebutan baku bahasa Melayu di Singapura |
| Author | Muhammad Ariff bin Ahmad |

Copyright © 1992 Muhammad Ariff bin Ahmad

Simposium Sebutan Baku

anjuran Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura

di Pusat Islam Singapura

Ahad, 29 November 1992 @ 14.00

latarbelakang pelaksanaan sistem sebutan baku bahasa Melayu di Singapura

Seorang pengembara Belanda ke Gugusan Pulau-pulau Melayu [1586~1592], Jan Huyghen van Linschoten, pernah berkata bahawa dalam tahun-tahun 1600-an, bahasa Melayu ialah bahasa Nusantara; dan bahasa Melayu itu amat halus lagi dimuliakan oleh bumiputera, sama seperti orang-orang Eropah memuliakan bahasa Perancis.¹

Yang dimaksudkan Linschoten dengan kata *bahasa Melayu ialah bahasa Nusantara* itu ialah bahasa Melayu telah digunakan bumiputera Gugusan Pulau-pulau Melayu sebagai **lingua franca**; sebagai bahasa perantaraan mereka yang tidak sedialek.

Kelompok-kelompok bumiputera di Kepulauan Melayu itu mempunyai dialek masing-masing; namun apabila mereka berkomunikasi antara kelompok-kelompok itu bahasa Melayulah yang digunakan. Malah dengan pedagang asing yang berkepentingan ekonomi dengan bumiputera itu pun bahasa Melayu juga yang digunakan sebagai bahasa komunikasi.

Apabila penandatanganan Anglo-Dutch Treaty dilakukan di Eropah pada 17 Mac 1924, perjanjian itu telah memisahkan nusantara Melayu menjadi dua: daerah-daerah yang dari Singapura ke utara diletakkan di bawah kekuasaan *East India Company* [kompeni Inggeris] dan daerah-daerah yang di selatan Singapura termasuk pula di bawah kekuasaan V.O.C. (*Vereenigde Oostindische Compagnie*) [kompeni Belanda].²

Pengagihan daerah perniagaan kompeni-kompeni Inggeris-Belanda itu telah memecahkan nusantara Melayu yang menyebabkan corak hidup, budaya..

termasuk bahasa orang di nusantara ini jadi berbeza. Maka kehidupan dan perkembangan bahasa Melayu itu pun turut terkesan; yang di utara jadi sangat terikut-ikut akan Inggeris, manakala yang di selatan terbawa-bawa pula akan cara Belanda.

Di Tanah Melayu, pada tahun 1888 telah tertubuh sebuah pakatan pencinta bahasa Melayu yang bercita-cita mahukan satu bahasa Melayu yang baku [pada ketika itu disebut bahasa yang betul; kemudian disebut yang *standard*]. Pakatan itu diberi nama Pakatan Belajar dan Mengajar Pengetahuan Bahasa [Melayu], dengan panggilan singkatnya PBMPB [huruf Jawi].

Mulai tahun 1934, nama PBMPB itu ditambah dengan kata 'Diraja'. PBMPB Diraja menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan telah mengeluarkan beberapa buah buku panduan bahasa. Dalam perkembangan bahasa pada masa itu bahasa yang dituturkan orang Johor dan Riau dianggap sebagai bahasa Melayu yang betul lagi *standard*.

Di Hindia Timur Belanda, Kongres Pemuda yang diadakan di Jakarta pada 28 Oktober 1928 telah bersetuju memilih bahasa Melayu dan memperkayainya dengan kata-kata daerah dan Belanda serta menjadikannya bahasa Indonesia [sebuah negara kesatuan yang dilahirkan kongres itu] yang berdaulat.

Penegasan persetujuan itu telah dilaksanakan mulai dari Kongres Pertama Bahasa Indonesia di Solo pada 28 Jun 1938, dan telah diperkembang dan diper maju sehingga menjadi sebagaimana yang kita lihat sekarang.³

Kongres Persuratan Melayu se-Malaya (KPMM1) yang diadakan di Singapura pada 12 dan 13 April 1952 telah menugaskan sebuah jawatankuasa menyiasat penggunaan tulisan Jawi dan Rumi dalam persuratan Melayu. Berdasarkan penyelidikan jawatankuasa itu KPMM2 yang bersidang di Seremban pada 31 Disember 1953 hingga 2 Januari 1954 merumuskan bahawa perkembangan bahasa dan persuratan Melayu Moden harus dilaksanakan dengan menggunakan tulisan Rumi.

KPMM2 telah juga menugaskan Asas 50 supaya meninjau dan menghimbau kemungkin diadakan kerjasama kebahasaan antara KPMM dengan

pihak Indonesia. Melalui majalah Medan Bahasa di Jakarta hubungan KPMM dengan Kongres Bahasa Indonesia telah dijalin. Kongres Kecil KPMM telah menghantar wakilnya menyertai Kongres Kedua Bahasa Indonesia yang telah diadakan di Medan pada 28 Oktober hingga 2 November 1954.

Rupa-rupanya, Kongres Kedua Bahasa Indonesia di Medan itu merupakan 'jambatan emas' yang menjadi laluan kerjasama bahasawan di Malaya dan di Indonesia untuk menyekatakan semula bahasa Melayu yang telah mula berkembang sendiri-sendiri semenjak 17 Mac 1824 itu.

Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Malaya ke-3 [KPBMM3] yang juga disertai beberapa bahasawan Indonesia, telah diadakan di Singapura dan Johor Bahru pada 16 hingga 21 September 1956. KPBMM3 merumuskan bahawa:

*Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia itu hanya berbeza pada nama sahaja kerana perbezaan politik Indonesia dan Tanah Melayu; dan bahasa Indonesia terkaya perbendaharaan katanya dengan kata-kata daerah dan Belanda.*⁴

Tentang **bunyi bahasa Melayu**, KPBMM3 merumuskan:

1. Menurut pendapat sidang C(i), anggapan lama bahawa bunyi bahasa Melayu yang standard ialah loghat Riau-Johor tidak sesuai lagi dengan keadaan bahasa Melayu pada masa ini.
2. Melihat hal itu dan setelah mempelajari kertas kerja bilangan 19 dan kertas kerja bilangan 1 mengenai soal-soal bunyi bahasa Melayu dalam ucapan, maka Jawatankuasa Ejaan dan Bunyi Bahasa ini meng-
anjurkan supaya vokal **a** dalam suku kata hidup yang akhir dalam sesuatu perkataan dibunyikan **a** bukan **e** (misalnya **apa** dibunyikan **apa** bukan **ape**).⁵

Dari situlah bermulanya cita-cita kita hendak menyekatakan (**membaku-kan**) bunyi bahasa Melayu yang sedang kita bicarakan sekarang ini. Bahasa Melayu dikatakan bahasa yang kelima terbesar di dunia, maka wajarlah bahasa ini digunakan [ditulis dan dituturkan] dalam bentuk **bahasa baku**. Dan yang dikatakan bahasa baku itu ialah bahasa yang baku tata bahasanya, baku kosa kata

dan istilahnya, baku ejaannya dan baku sebutannya.

Kecuali dengan **sebutan baku**, semenjak tahun 1977 kita telah menulis dengan ejaan baku, kita telah menggunakan kamus yang baku, kita telah berbahasa dengan sistem tata bahasa yang baku [walaupun terdapat beberapa istilah yang masih belum terselaraskan]. Maka untuk menyempurnakan penggunaan bahasa Melayu baku itu, Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura berhasrat hendak mula bertutur dengan sebutan baku itu.

Sebenarnya, pada tahun 1984, Seminar Pengajaran Bahasa Melayu anjuran CDIS telah pun membincangkan masalah penggunaan sebutan baku itu dan Seminar itu telah beranggapan bahawa **sebutan berdasarkan ejaan itu adalah memudahkan pengajaran.**

Pada tahun 1985, Singapura telah mula menyertai MABBIM (Majlis Kebahasaan Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia)⁶ sebagai pemerhati. Pada tahun 1988, PGBM (Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu) pula telah membincangkan isu penggunaan sebutan baku di Singapura; demikian juga halnya dengan JBMS (Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura).

Seterusnya, pada tahun 1990 JBMS telah memutuskan hendak mula melaksanakan sebutan baku di Singapura dalam tempoh tiga ke lima tahun dari tahun itu. JBMS menerusi MITA (Kementerian Penerangan dan Kesenian) menyarankan kepada Kementerian Pelajaran supaya penggunaan sebutan baku di Singapura itu termasuk dalam sistem pendidikan formal.

Pada Januari 1991 Pemerintah Singapura telah bersetuju untuk melaksanakan sebutan baku itu menerusi sekolah-sekolah. Ekoran persetujuan itu, Jawatankuasa Bahasa Melayu Kementerian Pelajaran untuk merancang dan melaksanakan sebutan baku bahasa Melayu telah ditubuhkan pemerintah.

Suatu seminar penerangan kepada para guru bahasa Melayu telah diadakan pada September yang lalu. Sekarang ini, Kementerian Pelajaran sedang membuat persediaan, sedang mengatur serta memperkemas strategi, untuk melancarkan penggunaan sebutan baku dalam pengajaran bahasa Melayu

di sekolah-sekolah mulai Januari 1993 mendatang ini. Mudah-mudahan, tidak akan ada apa-apa kendala yang mungkin melambat-lambatkan kelancaran rancangan itu!

Sementara membiarkan anak-anak kita mempelajari dan menggunakan sebutan baku itu dengan sistem yang teratur, marilah kita fikirkan apa yang dapat kita lakukan untuk turut memberikan sumbangan yang positif ke arah bertutur bahasa Melayu dengan sebutan baku di Singapura ini.

Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura telah beberapa kali menyatakan bahawa pengguna-pengguna umum bahasa Melayu tidak akan diminta supaya bertutur dengan sebutan baku pada masa ini. Walaupun demikian, saya pasti, mereka akan sangat berterima kasih jika masyarakat umum mahu turut bertutur dengan bahasa baku secara sukarela.

Sama halnya dengan 'bahasa sekolah' atau 'bahasa standard' yang dahulu, **bahasa baku** ini pun kita gunakan dalam persuratan dan kita tuturkan dalam majlis-majlis rasmi dan formal seperti dalam majlis ucapan, majlis ceramah atau syarahan, majlis taklim dan kuliah, majlis mesyuarat dan yang sebagainya. Dalam perbualan biasa orang sekeluarga, dalam bual-bual santai, berseloroh dan bergurau jenaka mengisi waktu senggang, biasanya, bahasa baku tidaklah dituturkan.

Dalam bulan-bulan bahasa 1990 dan 1992 peserta-peserta aktifnya: pengerusi dan pengacara majlis, pemedato dan peserta-peserta peraduan; malah beberapa orang tetamu terhormatnya telah cuba berucap dengan sebutan baku. Nampaknya, tidak ada sebarang kesan yang negatif..

Sekarang ini pula, khabarnya, sudah ada beberapa orang khatib yang membacakan khutbah jumaatnya dengan sebutan baku. Malah sudah ada juga anggota parlimen yang berucap dalam bahasa Melayu dengan sebutan baku yang baik dalam sidang-sidang parlimen. Mudah-mudahan tindakan positif mereka itu merupakan teladan yang akan dicontohi para pemimpin pertubuhan Melayu yang menjalankan mesyuaratnya dengan menggunakan bahasa Melayu.

Maka alangkah baiknya, jika para pemedato, pensyarah, penceramah, ahli-ahli mesyuarat, peserta-peserta bahas dan forum, pembaca-pembaca berita dan penyampai program di radio dan televisyen, pengacara-pengacara majlis

dan yang sebagainya, dapat menggunakan bahasa baku yang disertai dengan sebutan bakunya sekali!

Di Singapura, banyak pertubuhan Melayu yang bergiat sama ada dalam bidang bahasa dan sastera, dalam bidang kesenian dan kebudayaan, dalam bidang sukan dan yang sebagainya. Alangkah besar manfaatnya jika pertubuhan-pertubuhan itu mahu bersama-sama berkempen mengamalkan sebutan baku itu secara sekarela.

Latihan-latihan boleh dilakukan dengan selalu mengadakan mesyuarat atau mengadakan majlis-majlis yang mendorong orang bertutur, misalnya mengadakan peraduan berpidato, peraduan bahas dan yang sebagainya. Terpuulanglah kepada para pemimpin pertubuhan itu mengadakan kegiatan bertutur.

Memanglah, pada permulaan kita hendak bertutur dengan sebutan baku itu, kebanyakan kita akan terasa kekok, canggung atau dalam keadaan serba tak kena ~ bimbang kalau-kalau tersalah sebut; kkuatir kalau-kalau akan ditertawakan orang ~ yang menyebabkan kita terasa segan untuk terus bertutur demikian.

Menyebut tentang kekok, canggung dan segan itu, manatah ada pengalaman yang kita lalui tanpa kekok atau gementar pada permulaannya! Kanak-kanak yang pandai berjalan dan kuat berlari itu pun memulai pengalamannya dengan bertatih dan berjalan jatuh terlebih dahulu. Perubahan pengalaman daripada kanak-kanak ke belia; daripada belia ke dewasa; malah para gadis dan teruna yang memasuki gerbang berumahtangga itu pun, biasanya, kekok juga pada permulaannya.

Bagaimanapun, kekok itu hanya bersifat sementara sahaja; sementara ia belum menjadi suatu kebiasaan! Bukankah kita diwariskan nenek moyang peribahasa yang berkata **alah bisa tegal dek biasa!** Cuma.. biasanya, hendak membiasakan sesuatu yang belum biasa itulah orang selalu terasa kurang selesa, kerana mengubah sesuatu kebiasaan itu memerlukan perubahan sikap; memerlukan rasa penuh percaya bahawa yang baru itu lebih bermanfaat daripada yang lama.

Waktu hendak kita mula menggunakan ejaan baku ~ antara tahun 1972 hingga 1977 ~ dahulu pun banyak juga kerenahnya. Ada orang yang keberatan menerima huruf 'c' menggantikan 'ch' kerana mereka bimbang kelak membaca **coca-cola** dengan sebutan *chocha-chola*; atau orang membaca 'cat' dengan

sebutan *chat* dan yang sebagainya. Ada pula yang sibuk menyatakan kesukarannya hendak menentukan sama ada 'di' yang hendak digunakan itu **di** imbuhan atau **di** kata depan; sama ada **di** itu hendak dituliskan bersatu dengan kata dasar atau hendak dituliskan terpisah dari kata dasarnya.

Bagaimanapun, setelah ejaan baku itu kita gunakan untuk sekian lama, sekarang ini kita tidak menghadapi apa-apa masalah yang serius. Jika ada pun, barangkali tidak menjejaskan seluruh sistem ejaan baku itu. Yang telah sampai ke pendengaran saya ialah ada ura-ura orang hendak menghidupkan kembali **e taling**, untuk membezakan sebutan **sepak** (tampar) dengan **sepak** (tendang); **semak** (semak samun) dengan **semak** (periksa) dan yang sebagainya.

Seperkara lagi, yang mengenai sebutan baku ialah selama ini hanya kita dengar orang menyebut-nyebut nama sebutan baku itu sahaja tanpa menunjukkan bagaimana sebutan baku yang sebenarnya. Apa yang kerap kita dengar tentang bunyi sebutan baku itu ialah tiap bunyi 'e' pada suku kata akhir hendaklah ditukar bunyinya jadi 'a'; *saye* jadi *saya*, *bunge* jadi *bunga* dan yang sebagainya sahaja.

Hal ini mendorong banyak orang menyangka bahawa kita hendak mengubah bahasa Melayu menjadi bahasa Indonesia. Sangkaan itu tidaklah benar. Bahasa Melayu baku bukanlah bahasa Indonesia atau bahasa Malaysia atau bahasa Brunei atau bahasa Melayu Singapura, tetapi bahasa Melayu baku itu ialah bahasa Melayu yang kelak akan menjadi bahasa bagi seluruh wilayah yang tersebut itu ~ tata bahasanya, perkamusannya [termasuk kosa kata dan istilah], ejaannya dan sebutannya.

Sebenarnya, sebutan baku itu bukanlah semata-mata terletak pada bunyi 'e' jadi 'a' seperti yang disangka banyak orang itu sahaja. Secara teknikal, bahawa sebutan baku bahasa Melayu itu ialah sebutan yang diucapkan mengikut ketentuan fonemik dan semantik.

Yang dikatakan mengikut ketentuan fonemik ialah menyebut setiap kekata sebagaimana ia dieja, iaitu yang *a* dibunyikan **a**, yang *u* dibunyikan **u** dan yang sebagainya. Dan, yang dikatakan ketentuan semantik itu pula ialah menyebut kekata itu mengikut dasar maknanya, misalnya *psikologi* disebut **sikologi**, *televisyen* disebut **telivisyen** dan yang sebagainya.

Buku *Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu* terbitan Dewan

Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur telah tersebar di pasaran semenjak 1988; demikian pula dengan kaset bimbingan mengucapkan sebutan baku itu. Pada tahun 1991 terbit pula buku *Daftar Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu* yang merupakan senarai semakan (check list). Kesemua terbitan ini dapat membantu penutur bertutur dengan sebutan baku yang betul.

Dalam ceramah yang 45 minit ini, tidaklah terdaya hendak kita huraikan semua kaedah penyebutan baku itu. Maka itu kita perlu bermuzakarah lagi untuk mengetahui selok belok penyebutan yang betul. Pertubuhan-pertubuhan yang berminat bolehlah menghubungi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura untuk mendapatkan kerjasama mengadakan muzakarah-muzakarah itu. Saya yakin jawatankuasa itu akan dapat membantu.

Demikianlah, mudah-mudahan pandangan ini akan ada juga manfaatnya terhadap usaha hendak menyempurnakan pelaksanaan bahasa Melayu baku di Singapura dengan pelancaran sebutan baku ini. Bagaimanapun, jika ada yang memerlukan penjelasan atas hal-hal yang saya sebutkan tadi, marilah kita bincangkan dalam sesi tanya jawab sebentar lagi.. atau jika waktu yang terbatas ini menghalang kecapaian kita, insya Allah kita bertemu pula di muzakarah-muzakarah yang bakal diadakan kelak, jika diperlukan..

Sekian.

Wa billahil-Hidayah wat-Taufiq..

Wassalamu alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuhu.

- 1 baca Nadwah Sastera **Dinamika Budaya** terbitan Majlis Pusat Pertubuhan Budaya Melayu Singapura
1992, halaman 214.
- 2 Daerah yang di utara dikenal sebagai **Malaya** atau **Semenanjung Tanah Melayu**, manakala daerah
yang di selatan Singapura dikenal sebagai **Hindia Timur Belanda**, kemudian jadi **Indonesia**.
- 3 baca **Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa**, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
Indonesia, Jakarta 1991.
- 4 baca Nadwah Sastera, **Dinamika Budaya** terbitan Majlis Pusat Pertubuhan Budaya Melayu Singapura
1992, halaman 221.
- 5 baca **Memoranda Angkatan Sasterawan 50**, Pustaka Pedoman, Oxford University Press, Kuala
Lumpur
1962, halaman 265.
- 6 Dalam kerjasama dengan negara-negara serantau, kita ada dua Mabim. Yang satu **MABBIM** dieja
dengan dua 'b' dan yang lainnya **MABIM** dieja dengan satu 'b'. Nama penuh MABIM ialah **Per-
temuan Menteri-menteri Agama (Islam) Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia**.
MABBIM ialah badan kerjasama kebahasaan, manakala MABIM ialah badan kerjasama keagamaan.